

**125,000 Veteran Tentera Sokong Penuh Kepimpinan Perdana Menteri
Bernama
21 April, 2013**

KEPALA BATAS, 21 April (Bernama) -- Seramai 125,000 anggota Persatuan Veteran Tentera Tidak Berpencen (PVTTB) menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan berjanji akan memberi mandat besar kepadanya untuk terus mentadbir negara.

Presiden PVTTB Mohd Sabri Abdul Malek berkata anggota persatuannya percaya hanya Barisan Nasional (BN) mampu menjaga kebajikan mereka dan mentadbir negara menjadi sebuah negara yang maju.

"Kami berdiri di belakang BN dan menyokong penuh perdana menteri kerana selama ini kerajaan tidak pernah lupa jasa PVTTB dan sentiasa menjaga kebajikan veteran tentera," katanya semasa berucap pada majlis Ekspedisi Nostalgia Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), di sini Ahad.

Majlis yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Keladi itu dirasmikan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu, Mohd Sabri mengingatkan anggota PVTTB agar tidak terpengaruh atau percaya dengan tuduhan yang dilemparkan beberapa bekas pegawai tinggi ATM yang kini menyertai kem pembangkang.

Jangan sesekali percaya tuduhan mereka terutama berkaitan pembelian aset negara, itu semua fitnah dan mereka bukanlah pegawai tentera sebenar kerana telah mendedahkan rahsia kerajaan, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943977>